PROGRAM PEMANTAUAN PELAKSANAAN
DASAR MEMARTABATKAN BAHASA MALAYSIA
MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS (MBMMBI)

PENGENALAN

Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia mulai tahun 2011, mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/2010 bertarikh 25 Januari 2010.

Strategi utama memartabatkan bahasa Malaysia melibatkan penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar mata pelajaran sains dan matematik di sekolah rendah dan menengah serta penambahbaikan terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia.

Manakala strategi utama memperkukuh penguasaan bahasa Inggeris melibatkan penambahbaikan kurikulum Bahasa Inggeris, penyediaan guru dan bahan yang mencukupi lagi berkualiti bagi melaksanakan kurikulum tersebut.

Mesyuarat Jawatankuasa Induk MBMMBI Bil. 4/2010 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia pada 28 September 2010 telah memutuskan supaya pemantauan pelaksanaan Dasar MBMMBI dilaksanakan di sekolah rendah pada tahun 2011.

OBJEKTIF

Instrumen Pemantauan Pelaksanaan Dasar MBMMBI ini bertujuan mendapatkan maklumat tentang sejauh mana Dasar MBMMBI dilaksanakan di sekolah.

INSTRUMEN PEMANTAUAN

Instrumen Pemantauan Pelaksanaan Dasar MBMMBI ini mengandungi empat (4) bahagian yang perlu dilengkapkan iaitu:

RP-MBM	**Instrumen Pemantauan Bahagian BM Responden Pentadbir**
RG-MBM	**Instrumen Pemantauan Bahagian BM Responden Guru BM Tahun 1**
RP-MBI	**Instrumen Pemantauan Bahagian BI Responden Pentadbir**
RG-MBI	**Instrumen Pemantauan Bahagian BI Responden Guru BI Tahun 1**

Pegawai Pemantau : _____

Jawatan : _____

Jabatan : _____

Tarikh : _____